

Date and Time: Sunday, 15 February 2026 11:17□pm +08

Job Number: 275786034

Document (1)

1. [Datin Noraini bt Mohamad lwn Mohamad Syazwan bin Roslan \[2024\] MLJU 3000](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: "syazwan hasim"

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-

Datin Noraini bt Mohamad Iwn Mohamad Syazwan bin Roslan [2024] MLJU 3000

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH SESYEN (KOTA BHARU)
AZMAN MUSTAPHA HMS
SAMAN NO DA-B53F-1-01 TAHUN 2022
31 May 2024

*Ahmad Mukmin Aimi bin Azmi (Mukmin Azmi & Co) bagi pihak plaintif.
Nor Mohd Syazwan bin Che Hasim (Azzan Aznan bin Abdul Rahim bersamanya) (Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak defendan.*

Azman Mustapha HMS:

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Plaintif adalah ibu mentua kepada Defendan. Defendan telah berkahwin dengan anak perempuan Plaintif yang bernama Wan Nursyazwani Binti Wan Adzlan (selepas ini dirujuk sebagai 'Nursyazwani').

[2] Tuntutan Plaintif terhadap Defendan adalah berasaskan kepada tort fitnah yang dikatakan telah dilakukan oleh Defendan terhadap Plaintif melalui kenyataan yang dimuat-naik oleh Defendan ke dalam laman Facebook. Terdapat 4 kenyataan sedemikian yang telah diplidkan oleh Plaintif dalam penyataan tuntutan.

[3] Kenyataan pertama telah dimuat-naik ke dalam laman Facebook yang dikenali sebagai 'Permasalahan Kes Di Mahkamah Syariah' pada 13/10/2021. Kenyataan tersebut adalah:

"mertua campur tangan

Assalamualaikum, sy nk tny boleh ke mertua sy memfailkn pgesahan lafaz cerai antara dia dgn sy, alasannya adalah ragu2 dgn status sy dan isteri iaitu anknya kerana ada isu2 berbangkit yg blaku sbelum kjdian lafaz dan mngatakan kami sudah talak 3, dia melantik peguam dan peguamnya tih memfailkn forensik utk menyiasat kandungan pesanan whatsapp sy dgn isteri, sy menyangka dia berniat utk melawan sy dan meruntuhkn rumah tangga sy dgn anknya".

Plaintif secara spesifik menyatakan bahagian yang digariskan dalam kenyataan di atas bersifat fitnah terhadap beliau.

[4] Kenyataan kedua telah dimuat-naik ke dalam laman Facebook yang sama pada 31/10/2021. Kenyataan tersebut berbunyi:

"assalamualaikum tuan admin dan ahli group, sy berharap kes sy ini mendapat perhatian drpd tuan admin memandangkan kes sy ini agak plik sperti yg d prkatakan oleh peguam sy Sy telah bergaduh dgn isteri dan sy telah melafazkn cerai kpd isteri dan disaksikn oleh mertua sy kerana sy dan isteri tggil d rumahnya, setelah beberapa hari kami telah berbaik dan kami bercadang ingn ke mahkamah utk membuat pgesahan cerai, tanpa kami sedari, mertua sy telah terlebih dahulu mengfailkn pgesahan cerai antara sy dgn dia tnpa pngetahuan sy dan sy langsung tidak d pggil utk membuat keterangan. dia telah menjadi plaintif dan sy menjadi defendan dgn alasan dia ragu2 dgn status sy dan isteri atas isu2 lama yg berbangkit dan mngatakn kami telah talak 3, 90% dakwaan dia di dlm saman yg dihr kpd sy adalah tdk bnr krana sy dan isteri lbih thu apa yg blaku antra kami. dia telah melantik peguam yg sgt d kenali dgn bakat memutar belit kenyataan. memandangkan mertua sy ini seorang yg berpengaruh dia telah mengarahkn peguam nya mngeluarkn perintah mufaraqah dimna dlm isi kandungan perintah itu sy dilarang utk bjumpa dgn isteri dan ank sy sdgkan sy belum dibicarakn lg, soalan sy blhkah dia berbuat demikian? dia brnji akn mnyelesaikn smuanya pada tarikh yg d ttpkn akn tetapi ketika hri sbutan pguam nya telah meminta kes d tgguhkn, dia hanya diam dan dia telah mgkir janji dan seolah2 ingin menyiksa jiwa sy dan anak isteri.

Datin Noraini bt Mohamad lwn Mohamad Syazwan bin Roslan [2024] MLJU 3000

Sy kemudian membuat kputusan dan langkah berjaga2 dgn meminta isteri sy ke mhkamah utk mgfailkn sndiri kes ini,Alhamdulillah kami telah d sahkn talak 2 oleh hakim,kerana tdk dpt menerima knyataan pguam mertua sy tlah mngemukakan ryan utk sy dan isteri di bicarakan smula di hdapan hakim dan kali ini sy dan isteri telah mnjadi defendan dan dia skali lg menjadi plaintif,dan sy mendapat tahu peguam nya jyga telah memaksa hakim yg telah mngesahkn status sy dan isteri itu utk mnggantng keputusan yg telah d ptuskan supaya sy d bicarakan skali lg d hdapan hakim kegemaran merangkap sahabat suaminya dan dia juga sdg cuba utk membatalkn sivil cerai sy d pjabat agama kerana suami peguam tersebut merupakan org atasan pejabat agama tersebut

Utk pngetahuan smua telah berlaku 1 perselisihan fham antra sy dgn mertua sbulan sblum kjdian dan kami tidak bertegur sapa,dia seolah2 ingin mngambil peluang yg ada ats kjdian yg blaku ini utk mnyikirkn sy dr kluarganya dgn meruntuhkan rumah tgga sy dan sy rsa tndakan ini sgt tidak waras. Bgaimanakah cara utk sy mnyelesaikn mslah ini, bgaimanakah juga cara utk mnyedarkn org2 yg terlibat dalam cmpurtngn hal rumah tgga sy dan isteri,sy syak ini berlaku kerana mslah hati dan soal agama dan hkum skrg sudah d ketepikan kerana wang dan pangkat".

Plaintif secara spesifik menyatakan ketiga-tiga bahagian yang digariskan dalam kenyataan di atas bersifat fitnah terhadap beliau.

[5] Kenyataan ketiga telah dimuat-naik pada 11/11/2021 ke dalam laman Facebook Iwea Jembow milik Defendan sendiri. Kenyataan tersebut berbunyi:

"Saya di Bahagian penguatkuasa undang2 Syariah jabatan Hal ehwal agama Islam negeri kelantan... isteri saya diambil penguatkuasa agama berdasarkan perintah mufaraqah

Saya dan isteri sudah buat pengesahan cerai di mhkmh Syariah kota bharu.. hakim dah sabitkan cerai talaq dua... saya dan Isteri telah rujuk..tetapi keluarga isteri telah fail kan kes rayuan ke Mahkamah tinggi Syariah negeri Kelantan dan menjadi perayu dlm kes ini...

Soalan saya...boleh kan keluarga isteri menjadi perayu dlm kes saya dan isteri?

Dimana lah keadilan dalam institusi kehakiman Syariah? Apa hak saya sebagai suami?

Adakah hak suami itu lbh kecil berbanding Keluarga? Tlg share dan trending kes ini...

Saya minta semua pengamal undang2 bersuara...

Saya mahu hak saya dan isteri terbela Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia - JKSM Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan SPRM Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan Biro Pengaduan Awam

#jabatankehakimansyariahnegerikelantan

#jabatankehakimansyariahmalaysia

#biropengaduanawam

#sprmmalaysia"

[6] Kenyataan keempat telah dimuat-naik pada 12/11/2021 juga ke dalam laman Facebook Iwea Jembow milik Defendan. Kenyataan tersebut berbunyi:

"MENGUBAH UNDANG2 UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI

Dmo ada kuasa dmo ada kabel dmo ada duit dmo hnya blh gntung kputusan mahkamah kut undang2 jh hukum dmo xleh gntung,xskor kakloh tgamok jgk dmo arah pegawai pjabat agama mri igat ank nату dmo ari2 cuti pn,dmo igt mlekk dmo prelar umh tgga ore loni xpo dmo lepas,seksok2 dmo jwb

ALLAH MAHA ADIL"

[7] Menurut Plaintiff, kenyataan pertama dan kedua sebagaimana di atas telah antara lain memberi gambaran kepada pembacanya bahawa Plaintiff telah menggunakan pangkat, harta dan kedudukannya untuk berusaha memisahkan Defendan dari Nursyazwani dan meruntuhkan perkahwinan mereka serta menghalang Defendan daripada berjumpa dengan anak hasil perkahwinan Defendan dengan Nursyazwani. Kenyataan ketiga dan keempat pula telah memberi gambaran kepada pembacanya bahawa Plaintiff telah menyalahgunakan kedudukan beliau untuk mempengaruhi badan kehakiman syariah negeri Kelantan supaya menggantung keputusan mahkamah yang memihak kepada Defendan. Gambaran yang diperolehi oleh pembaca mana-mana kenyataan tersebut mampu menyebabkan mereka memandang rendah dan/atau mengelak dan/atau menjauhi Plaintiff. Ini jelas apabila terdapat pembaca kenyataan-kenyataan tersebut yang telah meninggalkan komen yang mengecam Plaintiff di laman Facebook yang berkaitan dengan gelaran 'mentua toksik', 'kolot', 'setan', 'iblis' dan sebagainya. Akibat daripada tindakan Defendan menyiarkan kenyataan-kenyataan tersebut, Plaintiff telah menanggung rasa malu, depresi dan gangguan perasaan yang teruk. Plaintiff antara lain memohon mahkamah membuat perintah-perintah yang berikut:

1. supaya Defendan membuat permohonan maaf tanpa syarat kepada Plaintiff di laman Facebook milik Defendan;
2. supaya injunksi kekal dikeluarkan bagi menghalang Defendan dan/atau wakil-wakilnya daripada menerbitkan selanjutnya kenyataan-kenyataan tersebut pada masa akan datang; dan
3. supaya Defendan membayar gantirugi am, gantirugi teladan dan gantirugi teruk berserta kos kepada Plaintiff.

[8] Dalam penyataan pembelaan, Defendan tidak mempertikaikan beliau telah memuat-naik keempat-empat kenyataan tersebut dalam laman Facebook yang berkaitan. Walaubagaimanapun, Defendan menafikan kesemua kenyataan yang disiarkan tersebut merujuk secara khusus kepada Plaintiff. Menurut Defendan, kenyataan pertama dan kedua adalah berbentuk pertanyaan dengan niat untuk mendapatkan jawapan dan pandangan dari ahli kumpulan laman Facebook Permasalahan Kes Di Mahkamah Syariah tersebut. Kenyataan ketiga juga dibuat dalam bentuk persoalan bagi tujuan mendapatkan pandangan dan perbincangan berkenaannya. Defendan seterusnya memplidkan kesemua kenyataan yang beliau siarkan adalah benar dan Defendan bergantung kepada pembelaan justifikasi. Bagi kenyataan keempat, Defendan turut bergantung kepada pembelaan komen berpatutan memandangkan kenyataan tersebut adalah luahan hati beliau dan bukan berniat untuk memfitnah Plaintiff.

[9] Fakta yang dibentangkan dalam kes ini menunjukkan Defendan dan Nursyazwani telah berkahwin pada 18/12/2018. Sejak berkahwin, Defendan dan Nursyazwani telah tinggal bersama Plaintiff dan suami beliau di rumah Plaintiff di Kubang Kerian, Kota Bharu. Defendan dan Nursyazwani juga telah dikurniakan seorang anak lelaki hasil perkahwinan mereka. Fakta adalah juga jelas bahawa Defendan telah menyiarkan keempat-empat kenyataan berkenaan sebagai tindak-balas terhadap 3 perkara yang telah dilakukan oleh Plaintiff iaitu:

1. memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu (ekshibit P2) antara lain bagi mendapatkan perintah pengesahan sama ada Defendan dan Nursyazwani masih suami-isteri yang sah mengikut hukum syara';
2. mendapatkan perintah mufaraqah interlokutori secara *ex-parte* (ekshibit P3) yang antara lain memberi kesan supaya Defendan dan Nursyazwani perlu tinggal secara berasingan dan Defendan tidak boleh berjumpa dengan Nursyazwani mahupun dengan anak mereka melainkan dengan kebenaran Plaintiff; dan
3. memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu yang telah mengesahkan Defendan dan Nursyazwani telah bercerai talak 2 dan telah diperakukan telah rujuk kembali.

[10] Bagi membolehkan Plaintiff berjaya dalam tindakan ini, Plaintiff perlu membuktikan:

1. terdapat kenyataan yang telah disiarkan kepada pihak ketiga oleh Defendan;
2. kenyataan tersebut berbentuk fitnah; dan
3. kenyataan tersebut merujuk kepada Plaintiff.

Ini adalah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Suriyadi JCA dalam kes *Pardeep Kumar a/l Om Parkash Sharma v Abdullah Sani Bin Hashim* [2009] 2 MLJ 685.

[11] Sebagaimana yang telah dinyatakan, Defendan tidak mempertikaikan beliau telah menyiarkan kepada pihak

ketiga melalui laman Facebook keempat-empat kenyataan yang menjadi perkara subjek dalam kes ini. Oleh yang demikian, Plaintiff hanya perlu membuktikan elemen (2) dan (3) yang dinyatakan di atas.

[12] Berkenaan elemen (2), undang-undang adalah jelas bahawa sesuatu kenyataan itu akan dianggap fitnah (defamatory) jika ia boleh menyebabkan orang yang dirujuk dalam kenyataan itu dipandang rendah di mata seorang yang berfikir munasabah (rujuk kes *Syed Husin Ali v Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Berhad & Anor* [1973] 2 MLJ 56), atau boleh mendedahkan orang yang dirujuk itu kepada kebencian, penghinaan atau ejekan (rujuk kes *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1965] 1 MLJ 142), atau boleh menyebabkan orang yang dirujuk itu dijauhi (rujuk kes *Mohd Onn Muda v Saniboey Mohd Ismail & Anor* [1998] 1 CLJ 569). Sama ada defendan mempunyai niat untuk memfitnah orang yang dirujuk dalam kenyataan tersebut adalah tidak relevan (rujuk kes *Mohamed Hussain & Ors v Chew How Yang Eddie & Ors* [1995] 3 SLR 177). Apa yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah sama ada seseorang yang munasabah yang membaca kenyataan tersebut akan memandang rendah, membenci, menghina, mengejek atau menjauhi orang yang dirujuk dalam kenyataan tersebut. Orang yang dirujuk dalam kenyataan tersebut juga tidak perlu membuktikan kenyataan tersebut adalah tidak benar memandangkan undang-undang telah menganggap kenyataan tersebut adalah tidak benar (rujuk kes *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press* [1993] 1 MLJ 408). Daripada keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan, saya berpuashati elemen (2) telah berjaya dibuktikan. Dalam kenyataan yang disiarkan, Defendan telah menuduh mentua beliau campur tangan dalam urusan rumah tangga beliau dan sedang berusaha untuk memisahkan beliau dari isteri beliau. Seorang yang munasabah yang membaca kenyataan tersebut tentu akan memandang rendah, membenci, menghina, mengejek atau menjauhi mentua yang sedemikian.

[13] Bagi elemen (3), saya berpuashati ia juga telah dibuktikan. Memang benar Plaintiff tiada dinamakan secara khusus dalam mana-mana kenyataan yang disiarkan oleh Defendan. Mentua yang dinyatakan oleh Defendan dalam kenyataan beliau boleh jadi Plaintiff dan boleh juga jadi suami kepada Plaintiff iaitu bapa mentua Defendan. Namun demikian, dalam kes *Knupffer v London Express Newspaper Ltd* [1944] 1 All ER 495, Viscount Simon LC ada menyatakan:

“Where the plaintiff is not named, the test which decides whether the words used refer to him is the question whether the words are such as would reasonably lead persons acquainted with the plaintiff to believe that he was the person referred to.”

Bersama kenyataan kedua yang disiarkan, Defendan telah turut memuat-naik gambar saman yang difailkan di mahkamah syariah terhadap beliau (ekshibit P5). Seorang yang berbintikan Mohamad jelas dinamakan sebagai plaintiff dalam saman tersebut. Orang yang mengenali Plaintiff akan dapat dengan mudah mengenal-pasti Plaintiff sebagai mentua yang dimaksudkan oleh Defendan dalam kenyataan beliau. Adalah tidak mungkin seseorang boleh keliru orang yang mempunyai nama sedemikian, walaupun hanya sebahagian daripadanya boleh dibaca dengan jelas, sebagai mentua lelaki kepada Defendan.

[14] Setelah Plaintiff berjaya membuktikan Defendan telah memfitnah beliau, beban jatuh ke atas Defendan untuk membuktikan pembelaannya. Sebagaimana yang telah dinyatakan, Defendan telah memplidkan pembelaan justifikasi selain pembelaan komen berpatutan khusus untuk kenyataan keempat. Bagi membolehkan Defendan berjaya dengan pembelaan justifikasi, beliau perlu membuktikan kenyataan yang disiarkan oleh beliau itu adalah secara substantialnya benar. Ini selaras dengan peruntukan [seksyen 8 Akta Fitnah 1957](#) yang menyatakan:

‘In an action for libel or slander in respect of words containing two or more distinct charges against the plaintiff, a defence of justification shall not fail by reason only that the truth of every charge is not proved if the words not proved to be true do not materially injure the plaintiff’s reputation having regard to the truth of the remaining charges.’

Kedudukan undang-undang ini telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66). Sama ada kenyataan berkenaan adalah benar atau tidak hanya boleh dinilai melalui keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan.

[15] Plaintiff telah memfailkan saman sebagaimana ekshibit P2 pada 6/9/2021. Pada tarikh yang sama, Plaintiff telah mendapatkan perintah mufaraqah interlokutori sebagaimana ekshibit P3. Menurut Plaintiff, beliau telah memfailkan saman tersebut kerana pada pamahaman beliau, telah berlaku cerai talak 3 antara Defendan dengan Nursyazwani pada 30/8/2021. Ini selepas Defendan melafazkan cerai talak 2 terhadap Nursyazwani di hadapan Plaintiff pada tarikh tersebut dan Plaintiff juga percaya Defendan dan Nursyazwani telah bercerai talak 1 secara taklik 2 bulan sebelumnya apabila Defendan melanggar taklik yang dilafazkan terhadap Nursyazwani.

[16] Perceraian talak 2 yang dikatakan berlaku pada 30/8/2021 itu tidak dipertikaikan oleh Defendan, mahupun

oleh Nursyazwani. Hanya taklik yang dilafazkan oleh Defendan pada bulan Jun 2021 yang menjadi isu. Apa taklik yang dilafazkan oleh Defendan pada masa tersebut, dan sama ada taklik itu telah kemudiannya dilanggar, menjadi tunjang kepada pertikaian sama ada Defendan dan Nursyazwani telah bercerai talak 3 pada 30/8/2021.

[17] Versi yang dikemukakan oleh Defendan, dan yang disokong oleh Nursyazwani (SD1) adalah, telah berlaku perselisihan faham antara mereka berdua pada 11/6/2021 dan ini telah menyebabkan Nursyazwani meminta Defendan tidur di bilik yang berasingan pada malam tersebut. Walaubagaimanapun, sekitar jam 3.15 pagi 12/6/2021, Defendan telah mengetuk pintu bilik Nursyazwani untuk mengambil kunci kereta dan kunci rumah emak Defendan supaya Defendan boleh balik ke rumah emak beliau. Apabila Nursyazwani enggan membuka pintu, Defendan telah menghantar mesej melalui aplikasi WhatsApp kepada Nursyazwani. Mesej tersebut berbunyi "kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak". Walaubagaimanapun, Defendan telah bertegas tiada apa-apa yang berlaku antara beliau dengan Nursyazwani pada malam itu yang membawa kepada pelanggaran taklik tersebut sehingga menyebabkan jatuhnya talak antara mereka berdua.

[18] Keterangan seterusnya menunjukkan pada keesokan harinya Nursyazwani telah menceritakan kepada Plaintiff berkenaan taklik yang dilafazkan melalui WhatsApp oleh Defendan pada malam tersebut. Walaubagaimanapun, Nursyazwani mengakui beliau hanya memberitahu Plaintiff bahawa taklik itu berbunyi "kalu aku sentuh mu jatuh talak" dan bukan "kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak". Plaintiff menyatakan beliau telah bertanya kepada Defendan apa yang Defendan maksudkan melalui mesej WhatsApp yang beliau hantar itu dan Defendan telah menjelaskan ia bermaksud sekiranya Defendan melakukan hubungan kelamin dengan Nursyazwani pada bila-bila masa selepas itu maka jatuh satu talak antara mereka. Defendan menafikan beliau ada memberi penjelasan yang sedemikian kepada Plaintiff. Plaintiff seterusnya mendakwa Nursyazwani telah kemudiannya mengesahkan kepada beliau bahawa Nursyazwani telah melakukan hubungan kelamin dengan Defendan dan oleh itu talak sebagaimana yang ditaklikkan oleh Defendan telah jatuh.

[19] Plaintiff mengakui pengetahuan beliau tentang apa taklik yang dilafazkan oleh Defendan pada 12/6/2021 adalah berdasarkan apa yang dimaklumkan kepada beliau. Plaintiff mendakwa maklumat itu disampaikan kepada beliau oleh kedua-dua Defendan dan Nursyazwani walaupun Defendan menafikan beliau ada berbuat demikian. Menurut Defendan, hanya Nursyazwani yang telah memaklumkan kepada Plaintiff berkenaan kandungan taklik tersebut. Walauapapun, Plaintiff dalam keterangan beliau di mahkamah berkeras bahawa pada pengetahuan beliau taklik tersebut berbunyi "kalu aku sentuh mu jatuh talak" dan beliau tiada pengetahuan jika taklik yang dilafazkan oleh Defendan sebenarnya berbunyi "kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak". Tanpa mengira sama ada perkataan 'sentuh' itu bermaksud 'melakukan hubungan kelamin' atau perkara lain, tempoh masa sah taklik tersebut, sama ada pada malam ia dilafazkan sahaja atau pada bila-bila masa selepas itu, adalah sangat penting, kerana tiada keterangan daripada mana-mana saksi yang menunjukkan taklik itu telah dilanggar pada malam ia dilafazkan. Sekiranya dakwaan Defendan bahawa taklik yang beliau lafazkan adalah berbunyi "kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak" itu benar dan beliau hanya melakukan hubungan kelamin dengan Nursyazwani selepas daripada malam tersebut, maka pada fikiran seorang yang munasabah yang tidak semestinya mempunyai kepakaran dalam bidang syariah, termasuk Defendan dan Plaintiff sendiri, tiada pelanggaran taklik yang telah berlaku dan susulan daripada itu tiada talak yang jatuh akibat taklik tersebut.

[20] Dakwaan Plaintiff bahawa beliau tiada pengetahuan jika taklik yang dilafazkan oleh Defendan pada 12/6/2021 sebenarnya berbunyi "kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak" adalah bercanggah dengan fakta yang diplidkan oleh Plaintiff sendiri. Pada perenggan 13.4 dan 13.5 pernyataan pembelaan terpinda, Defendan telah memplidkan perkara berikut:

"13.4 Pada sekitar 11.06.2021, berlaku perselisihan faham antara Defendan dan isteri sehingga menyebabkan isteri Defendan menyuruh Defendan tidur di sebuah bilik berasingan. Pada jam sekitar 03.15 pagi 12.06.2021, Defendan telah menghubungi isteri Defendan melalui whatsapp dan menyatakan Defendan bercadang untuk mengambil barang untuk balik ke rumah ibubapa Defendan;

13.5 Antara perbualan yang material di dalam whatsapp tersebut oleh Defendan kepada isteri Defendan adalah "*Kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak*". Walaubagaimanapun, tiada sebarang tindakan Defendan ke atas isteri Defendan yang membolehkan perceraian berlaku di bawah hukum perceraian secara lafaz taklik".

Plaintiff telah menjawab pernyataan Defendan tersebut dengan memplidkan fakta berikut pada perenggan 24, 25, 33 dan 34 jawapan kepada pembelaan:

"24. Plaintiff juga menyatakan dengan tegas bahawa pada kesemua masa yang material, Plaintiff tidak pernah dimaklumkan

Datin Noraini bt Mohamad lwn Mohamad Syazwan bin Roslan [2024] MLJU 3000

oleh Defendan dan/atau Nursyazwani bahawa pesanan *whatsapp* yang diberikan oleh Defendan kepada Nursyazwani ialah “*Kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak*”.

25. Sebaliknya, Plaintiff telah dimaklumkan oleh Defendan dan Nursyazwani bahawa pesanan *whatsapp* yang diberikan oleh Defendan kepada Nursyazwani ialah “*Kalu aku sentuh mu jatuh talak*” di mana tidak ada tempoh masa “*malam ini*” yang dimaklumkan kepada Plaintiff.

...

33. Plaintiff menyatakan bahawa hanya selepas Prosiding Permohonan Lafaz Cerai tersebut difailkan barulah Defendan telah mendedahkan *screenshot* pesanan *whatsapp* oleh Defendan kepada Nursyazwani yang mana menunjukkan pesanan *whatsapp* yang dihantar ialah “*Kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak*”.

34. Plaintiff menyatakan dengan tegas bahawa sebelum Prosiding Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai tersebut difailkan, Plaintiff tidak pernah ditunjukkan *screenshot* pesanan *whatsapp* tersebut oleh Defendan dan/atau Nursyazwani.

[21] Kaedah-kaedah pliding memerlukan Plaintiff menyangkal setiap pernyataan pembelaan Defendan sekiranya Plaintiff tidak mahu dianggap sebagai mengakui pernyataan pembelaan tersebut. Ini jelas dinyatakan oleh Aturan 18 Kaedah 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Melalui perenggan 33 dan 34 jawapan kepada pembelaan sebagaimana yang dihasilkan semula di atas, Plaintiff telah sebaliknya mengakui beliau mengetahui mesej yang dihantar oleh Defendan kepada Nursyazwani pada malam tersebut sebenarnya berbunyi “*Kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak*”, walaupun pengetahuan tersebut sampai kepada beliau selepas beliau memfailkan saman sebagaimana ekshibit P2. Walaupun pengakuan tersebut tidak pernah dibangkitkan dalam keterangan mana-mana saksi semasa perbicaraan, namun ia dianggap telah dibuktikan melalui peruntukan [seksyen 58 Akta Keterangan 1950](#).

[22] Dua isu terbit daripada pengakuan Plaintiff dalam jawapan kepada pembelaan tersebut. Yang pertama, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, adalah ia adalah bercanggah dengan keterangan Plaintiff di mahkamah bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan taklik yang dilafazkan oleh Defendan sebenarnya berbunyi “*Kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak*”, yang mana ini secara tidak langsung telah menjejaskan kebolehpercayaan Plaintiff sebagai saksi. Isu yang kedua adalah mengapa setelah beliau mengetahui tentang taklik yang sebenar yang dilafazkan oleh Defendan kepada Nursyazwani, Plaintiff tidak menarik balik saman ekshibit P2, atau sekurang-kurangnya meminda pernyataan tuntutan kepada saman tersebut, secara spesifiknya di perenggan 5, dengan menyatakan lafaz taklik yang sebenar, supaya mahkamah syariah dapat membuat keputusan berasaskan fakta yang betul?

[23] Tarikh sebutan pertama yang dinyatakan pada saman ekshibit P2 adalah 11/10/2021. Fakta yang diperolehi melalui gambar ekshibit P5 yang dimuat-naik oleh Defendan bersama kenyataan kedua adalah saman tersebut telah diserahkan melalui tangan kepada Defendan oleh peguam yang mewakili Plaintiff bersama surat iringan yang bertarikh 20/9/2021. Jika Plaintiff menyatakan beliau telah ditunjukkan *screenshot* lafaz taklik yang dihantar oleh Defendan kepada Nursyazwani selepas saman tersebut difailkan, adalah munasabah untuk diandaikan perkara tersebut berlaku dalam tempoh beberapa hari selepas tarikh 20/9/2021 tersebut. Saya tidak dapat membayangkan apa-apa sebab untuk Defendan melengahkan untuk mendedahkan kepada Plaintiff taklik sebenar yang beliau lafazkan sedangkan beliau sedar Plaintiff telah menyatakan taklik yang tidak tepat dalam pernyataan tuntutan yang difailkan bersama saman tersebut.

[24] Kenyataan pertama yang disiarkan oleh Defendan berkenaan mentua beliau telah memfailkan permohonan pengesahan lafaz cerai antara Defendan dengan Nursyazwani adalah kenyataan yang benar dan ini diakui oleh Plaintiff sendiri. Plaintiff turut mengakui beliau telah memfailkan permohonan tersebut tanpa terlebih dahulu berbincang dengan Defendan dan Nursyazwani sama ada mereka mahu membuat permohonan pengesahan lafaz cerai mereka sendiri, mahupun membuat permohonan secara bersama dengan Plaintiff. Tindakan Plaintiff yang kemudiannya meneruskan permohonan untuk mendapatkan pengesahan dari mahkamah syariah sama ada Defendan dan Nursyazwani telah bercerai talak 1 melalui taklik dalam bentuk yang Plaintiff tahu tidak pernah dilafazkan boleh memberi gambaran kepada seorang yang munasabah, termasuk Defendan, bahawa Plaintiff seolah-olah mahu Defendan dipisahkan dari Nursyazwani dan seterusnya meruntuhkan rumah tangga mereka. Perlu diingatkan bahawa Defendan hanya menyiarkan kenyataan pertama pada 13/10/2021, iaitu 2 hari selepas tarikh sebutan pertama saman ekshibit P2 berlalu tanpa sebarang indikasi dari Plaintiff bahawa beliau ingin membuat pembetulan kepada kandungan lafaz taklik yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah syariah.

[25] Apabila Defendan dan Nursyazwani menyedari Plaintiff telah mengemukakan fakta yang tidak tepat dalam prosiding permohonan pengesahan lafaz cerai yang Plaintiff failkan di mahkamah syariah, Nursyazwani telah memfailkan permohonan pengesahan cerai yang berasingan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dengan menamakan Defendan sebagai defendan. Pada 24/10/2021, mahkamah tersebut telah mengesahkan Nursyazwani dan Defendan telah bercerai talak 2 pada 30/8/2021 dan telah diperakukan telah rujuk kembali. Namun demikian, pada hari esoknya iaitu 25/10/2021, Plaintiff telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah tersebut dengan mendakwa Nursyazwani dan Defendan telah menyembunyikan fakta, terutamanya berkenaan apa yang berlaku pada 13/6/2021 dalam permohonan mereka bagi tujuan mendapatkan pengesahan bahawa mereka hanya bercerai talak 2 sahaja. Plaintiff juga mengakui beliau telah memohon supaya keputusan Mahkamah Rendah Syariah tersebut digantung sehingga saman ekshibit P2 yang beliau failkan diputuskan oleh mahkamah. Fakta yang diperolehi melalui gambar ekshibit P5 menunjukkan notis rayuan yang berkaitan telah diserahkan kepada Defendan melalui tangan bersama surat peguam yang mewakili Plaintiff yang bertarikh 27/10/2021. 4 hari kemudian iaitu pada 31/10/2021, Defendan telah menyiarkan kenyataan kedua.

[26] Kenyataan kedua Defendan adalah secara substantialnya benar. Plaintiff tidak mempertikaikan beliau telah mendapatkan perintah mufaraqah yang menyekat Defendan daripada berjumpa Nursyazwani dan anak mereka. Perintah mufaraqah tersebut juga telah dipohon tanpa Plaintiff berbincang dahulu dengan Defendan dan Nursyazwani sama ada mereka sanggup untuk tinggal berasingan secara sukarela sehingga lafaz cerai mereka disahkan oleh mahkamah. Walaupun perintah ekshibit P3 tersebut bukan menghalang Defendan daripada berjumpa Nursyazwani dan anak mereka sama sekali, pada masa yang sama perintah tersebut menyatakan perjumpaan sedemikian hanya boleh berlaku dengan kebenaran Plaintiff. Dalam erti kata lain, Plaintiff mempunyai kuasa mutlak untuk tidak membenarkan Defendan berjumpa Nursyazwani dan anak mereka selagi mana perintah mufaraqah tersebut berkuatkuasa.

[27] Defendan telah menjelaskan bahawa mentua yang beliau dakwa dalam kenyataan kedua sebagai ingin mengambil peluang daripada perceraian yang berlaku untuk meruntuhkan rumah tangga Defendan dan Nursyazwani dan seterusnya menyingkirkan Defendan daripada keluarga adalah sebenarnya mentua lelaki beliau iaitu suami kepada Plaintiff dan bukan Plaintiff sendiri. Menurut Defendan, beliau telah berselisih faham dengan bapa mentua beliau sejak sebelum kejadian perceraian tersebut berlaku lagi dan perkara ini turut diakui oleh Plaintiff. Dalam keadaan ini, kenyataan Defendan bahawa beliau syak mentua beliau telah campur tangan dalam urusan rumah tangga beliau akibat masalah hati adalah kelihatan benar.

[28] Kenyataan ketiga yang disiarkan oleh Defendan berkenaan isteri beliau telah diambil oleh penguatkuasa agama berdasarkan perintah mufaraqah adalah benar. Keterangan Defendan di mahkamah berkenaan perkara ini tidak dicabar oleh Plaintiff. Kenyataan Defendan bahawa keluarga isteri beliau telah memfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah syariah mensabitkan beliau dan Nursyazwani telah bercerai talak 2 dan telah disahkan rujuk kembali adalah juga benar. Walaupun Plaintiff mendakwa Nursyazwani dan Defendan telah menyembunyikan keterangan berkenaan apa yang berlaku pada 13/6/2021 semasa pendengaran permohonan mereka, Plaintiff sendiri tiada mengambil tindakan untuk mendedahkan kepada mahkamah yang mendengar permohonan beliau berkenaan taklik sebenar yang dilafazkan oleh Defendan pada tarikh tersebut.

[29] Kenyataan keempat yang disiarkan oleh Defendan bahawa Plaintiff ada kuasa, ada kabel dan ada duit dan boleh menggantung keputusan mahkamah adalah secara substantialnya benar. Keterangan menunjukkan Plaintiff dan Nursyazwani telah diperakukan sebagai telah rujuk kembali pada 24/10/2021. Namun pada 11/11/2021, Nursyazwani telah diambil oleh pegawai penguatkuasa agama dari rumah yang didiami oleh beliau bersama Defendan dan telah dibawa ke pejabat hal ehwal agama Islam negeri, dikatakan sebagai melaksanakan perintah mufaraqah yang telah diperolehi oleh Plaintiff pada 6/9/2021. Keadaan ini hanya boleh berlaku jika rujuk yang telah diperakukan oleh Mahkamah Rendah Syariah pada 24/10/2021 itu digantung perlaksanaannya. Seperti mana yang diakui oleh Plaintiff, beliau ada membuat permohonan penggantungan sedemikian dan ia kelihatan seperti permohonan tersebut telah berjaya.

[30] Berdasarkan perkara-perkara yang telah saya nyatakan, saya berpuashati Defendan telah berjaya membuktikan di atas imbangan kebarangkalian pembelaan justifikasi sebagaimana yang diperuntukkan oleh [seksyen 8 Akta Fitnah 1957](#) bagi keempat-empat kenyataan yang beliau siarkan. Dalam kes *Soh Chun Seng v CTOS-EMR Sdn Bhd* [2003] 4 MLJ 180, Ramly Ali J ada menyatakan:

“As a matter of law, truth or justification, is an absolute defence to an action in libel or slander. If the statement is true no amount of malice or bad faith or belief in the falsity of the statement will make it actionable. If people think the worst of the plaintiff when they hear the truth about him, then his reputation has been reduced to the proper level.”

Memandangkan Defendan telah berjaya membuktikan pembelaan justifikasi bagi keempat-empat kenyataan yang beliau siarkan, saya menolak tuntutan Plaintif.

[31] Plaintif telah menuntut Defendan membayar gantirugi am, gantirugi teladan dan gantirugi teruk dengan amaun yang melebihi RM1 juta. Sekiranya tuntutan Plaintif itu dibenarkan, kos mengikut skala yang boleh diberikan berdasarkan Aturan 59 Kaedah 23 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 boleh mencecah RM40,000.00. Terdapat banyak yang telah dipertaruhkan oleh Defendan dalam kes ini dan peguam beliau tentu telah membuat persediaan yang rapi sepanjang prosiding kes ini berjalan. Saya berpandapat amaun RM10,000.00 wajar diberikan sebagai kos kepada Defendan atas kejayaan beliau membela tuntutan Plaintif.

End of Document